

23/04/1999

Tindakan dakwa Rahim tidak henti kecaman: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, percaya tindakan mendakwa bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, tetap tidak akan menghentikan kecaman kononnya kerajaan mengamalkan pendakwaan berpilih-pilih.

"Tidak, sama sekali tidak. Mereka yang sudah tersemat di fikiran bahawa negara ini teruk, akan terus berfikiran demikian.

"Dan penyokong mereka di dalam negara ini akan terus mengatakan keadaan dalam negara ini adalah teruk. Ini adalah fikiran yang bulat.

"Ia tidak ada kena mengena dengan fakta, ia tidak ada kena mengenai dengan sistem, ia hanya membabitkan fikiran yang sememangnya sudah tersemat begitu," katanya kepada pemberita selepas membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) di Dewan Rakyat, hari ini.

Rahim dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pagi ini atas tuduhan sengaja cuba mendatangkan cedera parah terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, September lalu. Rahim bagaimanapun tidak mengaku salah terhadap tuduhan itu.

Dr Mahathir menegaskan walau seceria manapun gambaran diberi, golongan itu tidak akan mengubah fikiran, malahan akan terus mengulangi perkara yang memang sudah tersemat dalam fikiran mereka.

"Contohnya, ketika saya menyampaikan laporan kajian RM-7 hari ini dengan langsung tidak mempunyai motif politik. Jika anda membaca teksnya, saya langsung tidak menyentuh sebarang perkara membabitkan politik.

"Tetapi anda boleh nampak pembangkang yang duduk bertentangan dengan saya, mempunyai ucapan bertulis yang berbau politik. Dia langsung tidak mendengar ucapan saya," katanya merujuk ucapan ketua pembangkang Lim Kit Siang.

Kit Siang yang bangun bagi membahaskan usul laporan kajian berkenaan, turut menyentuh isu penahanan anaknya, Lim Guan Eng dan kejadian mata lebam Anwar.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, rakyat tidak perlu bimbang mengenai kesihatannya.

"Saya mampu bercakap selama satu jam lima minit. Saya rasa itu adalah petanda yang baik," katanya.

Menurutnya, beliau memang mengalami batuk yang kadang kala serius dan kadang kala tidak.

"Saya rasa saya bercakap (ketika membentangkan laporan kajian separuh penggal RM-7) dengan suara yang sama, bukan terbatuk-batuk... suara saya yang lama.

"Saya gembira dapat menyampaikan ucapan ini kerana ia adalah penting bagi saya, juga bagi kerajaan," katanya.

(END)